

Headline **Anwar hina tanah air sendiri: Abdullah**
Date **19 Nov 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **N6**
Article Size **221 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,216**
PRValue **3,647**



Anwar hina tanah air sendiri: Abdullah

KUALA LUMPUR - Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan tindakan Datuk Seri Anwar Ibrahim mempertikaikan Malaysia sebuah negara Islam moden sebagai penghinaan terhadap tanah air sendiri.

"Mengapa jadi penghinaan? Dia (Anwar) yang menghina, sebab itu dia kata itu penghinaan. Mungkin sudah ada dalam fikiran dia yang kita ini hina... kita tak dapat terima pandangan itu," katanya di sini, semalam.

Abdullah diminta mengulas mengenai kenyataan ketua pembangkang itu bahawa pengiktirafan yang diberi oleh negara asing terhadap kemajuan Malaysia sehingga dianggap sebagai sebuah negara Islam moden adalah penghinaan.

Anwar berkata demikian semasa ditemu bual Sky News Australia tiga hari lalu, dalam usahanya



● Abdullah dan Jeanne menyiram pokok kayu Chengal selepas pengisytiharan Frim sebagai Tapak Warisan Semula Jadi.

mencari sokongan antarabangsa selepas cubaan terdahulu untuk meraih sokongan Amerika Syarikat berhubung pertuduhan liwat yang sedang dihadapinya, gagal.

Terdahulu, Abdullah

mengisytiharkan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) sebagai Tapak Warisan Semula Jadi Negara di Dataran Frim, Kepong di sini.

Hadir sama, isterinya, Tun Jeanne Abdullah.

Abdullah berkata pengisytiharan itu memberi pengiktirafan kepada Frim ditubuhkan 1929 itu sebagai satu daripada institusi penyelidikan perhutanan tropika terulung di dunia.

"Ternyata setelah lebih 80 tahun, kawasan Frim yang dahulunya terbiar, berjaya dipulihkan.

"Kawasan Frim boleh diisytiharkan model pemuliharaan hutan terbaik melalui usaha penanaman dan penjagaan teratur," katanya.

Menurutnya, Frim sebagai kawasan hutan buatan manusia terbesar di dunia seluas 485.2 hektar perlu meningkatkan industri perhutanan negara supaya tidak dilihat hanya tertumpu kepada balak semata-mata.

"Frim mesti bersama Jabatan Perhutanan mewujudkan industri ini yang bukan hanya memberi permit kepada orang untuk tebang pokok," katanya. - Bernama